




Joy of Reading

2022

Tadika 1 & 2



Nampak Sama Tapi Lain!

Aktiviti yang meningkatkan kreativiti kanak-kanak menggunakan bahan-bahan kitar semula yang terdapat di rumah.

Apa yang perlu disediakan:

1. Gambar objek/makanan yang berbentuk gegelang/cincin
2. Saranan Bahan Kitar Semula:
 - majalah/ surat khabar
 - jaring buah
 - tuala/ selendang/kemeja-t
3. Bahan Lain:
 - gam/ pita pelekat
 - kertas warna
 - krayon/ pena penanda
 - cat berwarna

Apa yang dipelajari:

1. Mengenal objek di persekitaran yang serupa dengan bentuk gegelang/cincin
2. Menggunakan bahan kitar semula untuk membuat rekaan bersama ibu bapa

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Menunjukkan gambar objek/ makanan yang berbentuk seperti gegelang/ cincin kepada anak anda. Menggalak anak anda berbual tentang gambar yang ada – bentuk, warna, rasa, tekstur, dan/ atau fungsinya.
2. Mengenalkan anak anda dengan perkataan ‘gegelang’ yang juga bermaksud bentuk seperti cincin.
3. Memberi peluang untuk anak anda membuat rekaan berbentuk gegelang/ cincin menggunakan bahan-bahan kitar semula.
4. Membimbing anak anda untuk melekatkan bahan rekaan gegelang/ cincin di sekeping kertas dan memberi peluang kepadanya untuk meluaskan lagi rekaan menggunakan bahan-bahan lain.
Contoh: Boleh dijadikan seperti donut, boyo dll.
5. Mengundang anak anda berbual mengenai rekaannya.



Tips untuk Ibu Bapa:

Ambil peluang untuk berbual-bual dengan anak anda tentang objek-objek di sekeliling mereka (di rumah/ persekitaran) yang kelihatan seperti bentuk gegelang/cincin.

Boya Memancing!

Apa yang perlu disediakan:

1. Saranan Bahan Kitar Semula:
 - majalah/ surat khabar
 - kain perca
 - kad bod
 - tali
2. Gam/ pita pelekat
3. Alat Mainan:
 - anak patung/ beruang teddy/ kereta mainan

Apa yang dipelajari:

1. Mengenal dan menamakan pelbagai bentuk
2. Menerima cabaran dan menyelesaikan masalah semasa melakukan aktiviti

Aktiviti membina ikatan ibu bapa dan kanak-kanak yang menggalak kemahiran menerima cabaran dan menyelesaikan masalah.

Apa yang boleh dilakukan bersama anak anda:

1. Menjemput anak anda membuat rekaan boyai / pelampung yang berbentuk gegelang/ cincin menggunakan bahan-bahan kitar semula. Memberi peluang untuk anak anda memilih bahan-bahan yang ingin digunakan.
2. Membimbing anak anda untuk mengikat tali pada boyai/ pelampung rekaannya.
3. Menyiapkan lencana pelbagai bentuk seperti segi empat, segi empat tepat atau segi tiga dan melekatkan lencana tersebut pada alat mainan yang ada.
4. Mendemonstrasikan cara mencampak boyai/ pelampung yang telah direka untuk ‘memancing/ menyelamatkan’ alat mainan dari jarak dekat.
5. Menjemput anak anda memberi arahan untuk ‘memancing atau menyelamatkan’ alat mainan, mengikut bentuk lencana yang dilekatkan, secara bergilir-gilir. Contoh: Selamatkan beruang teddy yang ada lencana bulat, selamatkan kereta mainan yang ada lencana segi empat dll.
6. Melanjutkan aktiviti dengan berdiri di jarak yang lebih jauh.



Tips untuk Ibu Bapa:

Ambil peluang untuk berkongsi pengalaman dengan anak anda tentang cabaran dan cara untuk mengatasinya semasa melakukan aktiviti yang seronok ini.